A

SUBRAMANIAM MANICKAM lwn. SUPRAMANIAM KASIA PILLAI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
ROSILAH YOP H
[GUAMAN SIVIL NO: 22NCVC-90-06-2014]
19 MEI 2016

B

PROFESYEN GUAMAN: *Kewajipan berhati-hati – Kecuaian profesional – Peguam memasukkan pengakuan salah laku anak guam dalam ikatan dokumen bersama – Tuntutan ditolak oleh mahkamah – Kegagalan peguam memfailkan notis rayuan dalam masa yang ditetapkan menyebabkan rayuan ditolak – Sama ada satu tort kecuaian profesional – Sama ada peguam melanggar kewajipan berhati-hati terhadap anak guam*

C

TORT: *Kecuaian – Kecuaian profesional – Profesyen guaman – Kewajipan berjaga-jaga peguam terhadap anak guam – Peguam memasukkan pengakuan salah laku anak guam dalam ikatan dokumen bersama – Tuntutan ditolak oleh mahkamah – Kegagalan peguam memfailkan notis rayuan dalam masa yang ditetapkan menyebabkan rayuan ditolak – Sama ada satu tort kecuaian profesional – Sama ada kecuaian peguam menyebabkan kerugian terhadap anak guam – Sama ada peguam melanggar kewajipan berjaga-jaga terhadap anak guam – Sama ada anak guam berhak menuntut ganti rugi*

D

E

TORT: *Representasi palsu – Perdayaan – Peguam gagal memfailkan notis rayuan dalam masa yang ditetapkan – Rayuan ditolak tetapi peguam tidak memaklumkan anak guam – Peguam memberi representasi bahawa rayuan sempurna dan hanya menunggu tarikh bicara – Sama ada satu tort perdayaan – Sama ada representasi palsu*

F

Plaintif, seorang pemandu lori, ditangkap oleh pihak sekuriti Shell Malaysia Sdn Bhd ('Shell') kerana menggantikan minyak petrol dengan minyak tanah. Defendan bertindak sebagai peguam plaintif dalam tuntutannya terhadap Shell di Mahkamah Tinggi. Tuntutan tersebut ditolak oleh mahkamah atas kesilapan dan/atau kecuaian defendan memasukkan laporan inkuiri dan surat rayuan plaintif yang membentuk satu pengakuan dalam ikatan dokumen bersama. Atas arahan plaintif, defendan memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan. Defendan memohon lanjutan masa untuk memfailkan rekod rayuan dan walaupun lanjutan masa diberi, defendan gagal memfailkannya. Plaintif tidak dimaklumkan akan kegagalan ini. Tanpa pengetahuan plaintif, defendan memfailkan notis usul ('lampiran 7A') memohon kebenaran memfailkan rekod rayuan luar masa. Bagi tujuan ini, defendan menyediakan afidavit untuk ditandatangani oleh plaintif. Sebelum dan selepas defendan memfailkan lampiran 7A, plaintif diberitahu oleh defendan bahawa rayuannya difailkan dengan sempurna dan hanya menunggu tarikh bicara di Mahkamah Rayuan. Namun lampiran 7A ditolak oleh Mahkamah Rayuan dan keputusan ini tidak diberitahu kepada plaintif

G

H

I

dengan serta-merta tetapi hanya dimaklumkan kemudian. Akibat kecuaian defendan, plaintif mendakwa bahawa dia mengalami kerugian. Dalam tindakan ini, plaintif menuntut terhadap defendan bagi (i) tort kecuaian profesional atas kegagalan defendan memfailkan rekod rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang secara unilateral menamatkan kontrak pengangkutan petrol antara plaintif dengan Shell; (ii) tort perdayaan oleh defendan dengan membuat representasi palsu bahawa rayuan plaintif difailkan dengan betul dan bakal didengar di Mahkamah Rayuan; dan (iii) ganti rugi am dan khas. Dalam pembelaannya, defendan menyatakan, antara lain, bahawa (i) dia mendapat arahan daripada plaintif tentang pengkelasan dokumen; dan (ii) dia gagal memfailkan rekod rayuan kerana berada di India untuk menerima rawatan. Isu-isu yang dibangkitkan adalah (i) sama ada defendan mempunyai kewajipan berjaga-jaga terhadap plaintif; (ii) sama ada defendan melanggar kewajipan berjaga-jaga sebagai seorang peguam kepada plaintif; (iii) sama ada defendan memperdaya plaintif dengan membuat representasi palsu; dan (iv) sama ada plaintif berhak menuntut ganti rugi.

Diputuskan (membenarkan tuntutan):

(1) Dalam pembelaannya, defendan mengaku mewakili plaintif dalam tuntutan plaintif. Dengan pengakuan ini, wujud hubungan antara peguam dengan anak guamnya dan timbul kewajipan berjaga-jaga defendan terhadap plaintif dan juga kemahiran defendan dalam menjalankan apa-apa tugasnya berkaitan tuntutan di Mahkamah Tinggi dan rayuan ke Mahkamah Rayuan. (perenggan 51, 53, 55, 56 & 98)

(2) Sebagai peguam, defendan mempunyai tugas menasihati plaintif memandangkan isu pengkelasan dokumen adalah isu undang-undang yang plaintif perlu dinasihati oleh defendan, seorang yang berkelayakan undang-undang. Defendan perlu menggunakan penjagaan munasabah dan kemahiran profesionalnya kerana defendan tahu bahawa plaintif bergantung pada kemahirannya sebagai peguam. Dengan pengakuan bahawa dia silap memasukkan surat rayuan plaintif dan kerana isu ini melibatkan isu undang-undang, defendan tidak melaksanakan penjagaan munasabah dan kemahiran profesionalnya terhadap plaintif. (perenggan 84 & 85)

(3) Defendan tidak mengambil tindakan profesional untuk memfailkan rekod rayuan. Lanjutan masa pertama telah diberi oleh Mahkamah Rayuan. Defendan mempunyai dua tahun tiga bulan untuk menyediakan rekod rayuan dan hanya perlu memasukkan nota-nota keterangan dan alasan penghakiman selepas menerimanya daripada mahkamah. Kelewatan ini tidak munasabah dan satu kecuaian oleh defendan. Alasan tidak sihat dan berada di India untuk menerima rawatan tidak melepaskan defendan daripada tanggungjawab untuk bertindak secara berhati-hati bagi kes yang dia setuju untuk kendalikan. (perenggan 96-100)

A **(4)** Tidak ada representasi palsu daripada defendan untuk plaintif menandatangani afidavit bagi menyatakan defendan telah memperdaya plaintif tanpa pengetahuan kandungan sebenar afidavit tersebut berpandukan representasi tidak benar oleh defendan. Plaintif gagal membuktikan tort perdayaan terhadap defendan. (perenggan 130)

B **(5)** Kecuaian defendan memfailkan rekod rayuan dalam masa menyebabkan rayuan plaintif ditolak oleh Mahkamah Rayuan. Defendan seharusnya memampas plaintif atas tindakan cuainya. Kecuaian dalam profesyen defendan sebagai peguam plaintif iaitu anak guamnya adalah kecuaian serius. Ganti rugi am sebanyak RM200,000 bagi kecuaian ini adalah
C wajar dan munasabah. (perenggan 184-185)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Ghafur Mohd Ibrahim v. Pengarah Hospital Kepala Batas & Anor [2010] 1 LNS 645 HC ***(dirujuk)***

Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd v. Chong On Foh Medical Hall & Liquor Dealers
D *[1996] 1 LNS 113 HC* ***(dirujuk)***

Dato' Seri Au Ba Chi & Anor v. Malayan United Finance Bhd & Anor [1989] 2 CLJ 801; [1989] 1 CLJ (Rep) 460 HC ***(dirujuk)***

IJM Corporation Bhd v. Zamri Hj Ibrahim & Anor [2014] 7 CLJ 479 CA ***(dirujuk)***

KMA Marketing Sdn Bhd v. MBf Leasing Sdn Bhd [2007] 7 CLJ 552 HC ***(dirujuk)***

Messrs Yong & Co v. Wee Hood Teck Development Corp Ltd (1) [1984] 1 CLJ 353; [1984]
E *1 CLJ (Rep) 251 FC* ***(dirujuk)***

Midland Bank Trust Co Ltd v. Hett, Stubbs & Kemp (a firm) [1978] 3 All ER 571 ***(dirujuk)***

Nocton v. Lord Ashburton [1914] AC 932 ***(dirujuk)***

Zainuddin Uyub lwn. Jalil Tumirin & Anor [2009] 1 LNS 1139 HC ***(dirujuk)***

F **Perundangan yang dirujuk:**

Evidence Act 1950, s. 73A(1)(b), (2), (5)

Limitation Act 1953, s. 6(1)

Dilaporkan oleh Najib Tamby

G **PENGHAKIMAN**

Rosilah Yop H:

Pendahuluan

[1] Di dalam tindakan ini, plaintif menuntut terhadap defendan untuk tort
H kecuaian profesional atas kegagalan defendan (sebagai peguam yang mewakili plaintif) untuk memfailkan rekod rayuan ke Mahkamah Rayuan untuk rayuan plaintif bernombor P-02-1029-2004 terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dalam kes 22-242-1996 yang secara unilateral menamatkan kontrak pengangkutan petrol antara plaintif dengan Shell
I Malaysia Sdn Bhd (Shell).

[2] Plaintif juga menuntut terhadap defendan untuk perbuatan perdayaan yang dilakukan oleh defendan dengan membuat representasi palsu kepada plaintif bahawa rayuan plaintif telah difailkan dengan betul dan akan didengar di Mahkamah Rayuan.

Ringkasan Kes Plaintif

[3] Plaintif merupakan seorang individu yang buta huruf yang berpendidikan sehingga darjah tiga di Sekolah Rendah Tamil.

[4] Defendan merupakan seorang peguam dan defendan telah mewakili plaintif di dalam kes Mahkamah Tinggi Writ Saman No: 22-242-1196 dengan menamakan plaintif sebagai plaintif dan Shell sebagai defendan.

[5] Guaman Sivil No: 22-242-1996 (kes 242) tersebut telah dipanggil untuk perbicaraan pada 8 Mei 2002 dan telah ditetapkan untuk sambung bicara pada 16 Oktober 2002, 12 Mac 2003, 13 Mac 2003, 29 April 2004 dan 30 April 2004 dan ditetapkan pada 17 Jun 2004 untuk penghujahan dan peguam Shell telah menghujahkan atas dasar tiada kes untuk dijawab.

[6] Keputusan kes tersebut telah ditetapkan pda 16 September 2004 dan Mahkamah Tinggi telah menolak tuntutan plaintif terhadap Shell.

[7] Punca utama tuntutan plaintif (sebagai defendan) dalam kes 242 telah ditolak oleh mahkamah dengan kos ialah kesilapan dan/atau kecuaian defendan membenarkan (i) 'inquiry report' pada ms. 133-136 dalam ikatan dokumen bersama dalam kes guaman tersebut dan (ii) surat bertarikh 21 Julai 1995 yang dialamatkan kepada Shell Malaysia Sdn Bhd (pada ms. 133-136 dalam ikatan dokumen bersama dalam kes guaman tersebut) dimasukkan dalam bahagian A ikatan dokumen bersama yang difailkan oleh plaintif dalam kes 242.

[8] Keputusan hakim dalam menolak permohonan lisan oleh defendan tersebut merupakan satu perkara yang mempunyai merit yang kukuh untuk dirayu.

[9] Defendan seterusnya, atas arahan plaintif telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan pada 14 September 2004 merayu ke atas keseluruhan keputusan tersebut.

[10] Walau bagaimanapun melalui surat bertarikh 13 Oktober 2004, defendan telah memohon untuk perlanjutan masa untuk memfailkan rekod rayuan dan permohonan defendan ini telah diluluskan pada 20 Oktober 2004, dengan memberi tempoh tiga minggu dari tarikh penerimaan nota-nota prosiding.

[11] Alasan yang diberikan oleh defendan ialah bahawa defendan belum menerima sesalinan nota-nota keterangan serta alasan penghakiman dari Mahkamah Tinggi berkaitan dengan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut.

[12] Walaupun tempoh perlanjutan tiga minggu diberikan (yang tamat pada 29 Januari 2009) namun defendan gagal untuk memfailkan rekod rayuan untuk rayuan tersebut.

[13] Defendan juga tidak memberitahu plaintif atas kegagalan defendan memfailkan rekod rayuan.

[14] Tanpa pengetahuan plaintif, defendan telah memfailkan notis usul (lampiran 7A) pada 1 Julai 2008 untuk memohon kebenaran memfailkan rekod rayuan di luar masa. Lampiran 7A tersebut difailkan bersama afidavit yang diikrarkan oleh defendan tanpa membincangkannya dengan plaintif.

[15] Lampiran 7A telah disokong dengan afidavit daripada defendan sendiri yang menyatakan plaintif mempunyai peluang yang cerah di dalam rayuannya dan plaintif telah membuktikan kes di Mahkamah Tinggi atas imbangan kebarangkalian serta defendan gagal memfailkan rekod rayuan dalam masa yang ditetapkan kerana beliau menerima rawatan kesihatan di India pada Disember 2006.

[16] Plaintif menyatakan alasan-alasan yang diberikan oleh defendan itu tidak benar dan remeh.

[17] Defendan juga memfailkan afidavit yang mengandungi tandatangan plaintif dari afidavit ini yang disediakan oleh defendan tanpa berbincang dengan plaintif. Afidavit ini telah ditandatangani oleh plaintif tanpa memahami kandungannya. Pesuruhjaya Sumpah tidak membaca dan menerangkan kandungan afidavit tersebut.

[18] Pada 21 Ogos 2008, selepas membicarakan lampiran 7A, Mahkamah Rayuan telah menolak dan membatalkan lampiran 7A.

[19] Keputusan ini tidak diberitahu kepada plaintif dengan serta merta dan hanya diberitahu oleh defendan setelah didesak oleh plaintif.

[20] Defendan selalu memberi jaminan lisan kepada plaintif bahawa rayuan difailkan dengan sempurna.

[21] Pada 3 September 2008, plaintif berjumpa dengan defendan dan plaintif buat pertama kalinya diberitahu yang rayuannya ditolak.

[22] Akibat daripada itu, plaintif telah memohon semua kertas-kertas kausa dan dokumen mengenai kesnya tetapi plaintif diminta untuk datang semula ke pejabat defendan dalam masa tiga hari lagi untuk mengambilnya.

[23] Defendan juga telah membuat ugutan ke atas plaintif dan plaintif telah membuat laporan polis akan ugutan defendan itu.

[24] Plaintif juga telah membuat aduan kepada Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam atas kecuaian dan salah laku profesional defendan yang memudaratkan plaintif di dalam rayuan tersebut.

[25] Lembaga Tatatertib telah menyiasat aduan plaintif dan telah membuat keputusan yang kemudiannya keputusan itu diputuskan oleh Lembaga Tatatertib telah menyabitkan defendan dengan liabiliti atas kegagalan memfailkan memorandum rayuan dan rekod rayuan di luar jangka masa yang dibenarkan tanpa persetujuan plaintif serta mengekalkan syor hukuman dengan RM2,000 dan mendenda defendan sebanyak RM2,000 atas kesalahan melakukan apa yang diadukan oleh plaintif dalam bahagian (ii) aduan tersebut.

[26] Akibat dari kecuaian defendan ini, pihak plaintif telah mengalami kerugian.

Ringkasan Kes Defendan

[27] Defendan akui yang beliau kendalikan Kes No. 22-242-1996 untuk plaintif dan defendan menyatakan fail ini telah diambil oleh plaintif dari pejabatnya.

[28] Defendan menyatakan plaintif boleh membaca dan menulis di dalam Bahasa Malaysia dan semua afidavit yang difailkan untuk tindakan kes 242 tidak perlu diterjemahkan kepada plaintif.

[29] Selanjutnya defendan menyatakan bahawa pemandu lori plaintif telah ditangkap oleh pihak sekuriti Shell kerana menggantikan minyak petrol dengan minyak tanah.

[30] Plaintif telah membuat rayuan kepada pihak Shell berkenaan perkara ini dengan menulis surat rayuan kepada Shell bertarikh 21 Julai 1995 (surat rayuan).

[31] Berdasarkan surat rayuan ini, defendan telah menasihatkan plaintif yang plaintif tidak mempunyai kes yang baik untuk menyaman Shell tetapi plaintif mendesak untuk teruskan kerana beliau telah alami kerugian dan meminta defendan bertindak baginya.

[32] Defendan menafikan bahawa dakwaan kecuaian defendan membenarkan laporan siasatan dan surat aduan bertarikh 21 Julai 1995 dimasukkan di bahagian A di dalam ikatan bersama dokumen yang difailkan oleh plaintif. Plaintif telah mengarahkan defendan untuk meletakkan kedua-dua dokumen tersebut di bahagian A dalam ikatan dokumen.

[33] Semasa perbicaraan dijalankan, defendan telah memohon secara lisan ke mahkamah untuk kedua-dua dokumen tersebut dimasukkan ke bahagian B tetapi dibantah oleh peguam defendan. Akibat daripada itu, permohonan tersebut ditolak oleh mahkamah.

[34] Defendan menyatakan tindakan plaintif juga telah dihalang oleh had masa menuntut kerana kecuaian yang didakwa oleh plaintif mengenai dengan pengkelasan dokumen untuk 'inquiry report' dan surat rayuan yang ditolak oleh mahkamah pada bulan April/Mei 2004.

[35] Menurut defendan, beliau telah nasihatkan plaintif untuk tidak memfailkan notis rayuan kerana surat rayuan plaintif kepada Shell telah mengaku yang keterangan plaintif telah mencuri petrol dari tangki lori dan menggantikannya dengan minyak tanah dan ini akan memudaratkan kes plaintif.

[36] Walau bagaimanapun, plaintif telah merayu untuk notis rayuan difailkan dan difailkan pada 14 September 2004.

[37] Defendan memaklumkan kepada plaintif bahawa rayuan plaintif adalah tidak kukuh atas surat rayuan yang ditulis oleh plaintif sendiri.

[38] Plaintif telah mengikrarkan afidavit untuk menyokong lampiran 7A.

[39] Defendan akui bahawa di dalam rayuan untuk perlanjutan masa bahawa merit dalam rayuan perlu ditunjukkan dan juga plaintif mempunyai peluang yang cerah di dalam rayuan.

[40] Plaintif memang mengetahui sebab plaintif mengikrarkan afidavit untuk permohonan perlanjutan masa bagi memfailkan rekod rayuan.

[41] Selepas Mahkamah Rayuan menolak lampiran 7A, plaintif datang ke pejabat defendan untuk mendapatkan fail beliau. Defendan setuju memberikannya dengan plaintif membuat salinan fotostat tetapi sebaliknya plaintif telah mengambil kesemua fail-fail kes beliau.

[42] Defendan akui yang beliau disoal oleh Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam. Defendan selanjutnya akui bahawa terdapat suatu aduan oleh plaintif terhadap defendan. Afidavit yang disediakan oleh defendan adalah atas arahan plaintif.

[43] Defendan seterusnya menyatakan bahawa tuntutan plaintif terhadap Shell akan ditolak oleh mahkamah di atas surat rayuan dan pengetahuan oleh plaintif yang melanggar peruntukan dalam perjanjian di antara plaintif dengan Shell.

[44] Pihak defendan memplidkan bahawa sekiranya pun rayuan sivil tersebut dibicarakan oleh Mahkamah Rayuan pada meritnya, peluang kejayaan kepada plaintif masih mustahil dan tidak mempunyai apa-apa nilai terhadap plaintif.

[45] Defendan menafikan yang plaintif telah mengalami kerugian akibat dari kecuaian defendan ini.

Isu-Isu Untuk Dibicarakan

[46] Setelah penelitian dibuat kepada pliding kedua-dua pihak, saya dapati isu-isu untuk dibicarakan adalah seperti berikut:

(i) sama ada defendan mempunyai kewajipan berjaga-jaga (duty of care) ke atas plaintif;

(ii) sama ada defendan telah melanggar kewajipan berjaga-jaganya sebagai seorang peguam kepada plaintif; A

(iii) sama ada defendan telah memperdayakan plaintif dengan membuat representasi palsu; dan

(iv) sama ada plaintif berhak untuk menuntut ganti rugi. B

Penilaian Dan Pendapat Mahkamah

[47] Tuntutan plaintif terhadap defendan adalah untuk kecuaian profesional yang dikatakan dilakukan oleh defendan terhadap plaintif.

[48] Butir-butir kecuaian yang diplidkan terhadap defendan ialah: C

Butir-butir kemungkiran tanggungjawab berjaga-jaga sebagai seorang peguam cara

(i) defendan pada masa material merupakan peguam cara plaintif yang telah menguruskan kes guaman tersebut dan seterusnya telah memfailkan notis rayuan tersebut bagi pihak plaintif; D

(ii) sebagai seorang peguam cara, defendan seharusnya dan sepatutnya tahu akan kewajipan memfailan rekod rayuan dalam tempoh masa yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan atau dalam tempoh masa yang dilanjutkan oleh Mahkamah Rayuan atas permohonannya; E

(iii) namun, defendan berlaku abai dan cuai sebagai seorang peguam cara apabila gagal memfailkan rekod rayuan tersebut dalam tempoh masa yang dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan yang telah diumumkan kepada defendan oleh Mahkamah Rayuan; F

(iv) defendan hanya memfailkan permohonan mendapatkan kebenaran memfailkan rekod rayuan iaitu lampiran 7A tersebut, 18 bulan selepas tamat tempoh perlanjutan masa yang dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan untuk memfailkan rekod rayuan; G

(v) defendan tidak mempunyai sebarang alasan yang benar dan/atau munasabah untuk kegagalan memfailkan rekod rayuan tersebut dalam tempoh masa yang dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan yang telah diumumkan kepada defendan oleh Mahkamah Rayuan;

(vi) defendan berlaku secara cuai dan abai apabila gagal mengumumkan secara sementara atau dalam tempoh masa yang munasabah kepada plaintif bahawa defendan gagal memfailkan rekod rayuan dalam tempoh masa yang dibenarkan; dan H

(vii) atas sebab perbuatan cuai dan abai defendan dengan tidak memfailkan rekod rayuan secara teratur, plaintif telah mengalami kerosakan dan kerugian. I

Sama Ada Defendan Mempunyai Kewajipan Berjaga-jaga Ke Atas Plaintif

[49] Persoalan yang timbul adalah sama ada defendan mempunyai kewajipan berjaga-jaga ke atas plaintif apabila defendan telah cuai memfailkan rekod rayuan ke Mahkamah Rayuan dalam masa yang ditetapkan.

[50] Plaintif menegaskan bahawa defendan mempunyai kewajipan berjaga-jaga ke atas plaintif kerana kewujudan hubungan peguam cara dan anak guam.

[51] Di bawah undang-undang, pada umumnya hubungan peguam dan kliennya akan menimbulkan kewajipan berjaga-jaga dan kemahiran peguam dalam menjalankan apa-apa tugas yang beliau telah mengaku janji untuk melaksanakannya. Ini adalah kewajipan berjaga-jaga yang dinyatakan di dalam kes *Midland Bank Trust Co Ltd v. Hett, Stubbs & Kemp (a firm)* [1978] 3 All ER 571, menyatakan:

> The solicitor were however liable to the plaintiff's in tort because under the general law the relationship of solicitor and client give rise to a duty of a solicitor to exercise that care and skill on which he knew that his client would rely, and to a duty not to injure his client by failing to do what he had undertaken to do and which, at the solicitor's invitation, the client had relied on him to do. Furthermore, there was no rule of law which cofined a solicitor's duty to his client under his retainer to a contractual duty alone; nor was there any rule of law which precluded a claim in tort for breach of a duty to use reasonable care and skill if there was a parallel contractual duty of care.

[52] Di dalam kes *Dato' Seri Au Ba Chi & Anor v. Malayan United Finance Bhd & Anor* [1989] 2 CLJ 801; [1989] 1 CLJ (Rep) 460 di mana mahkamah telah memutuskan:

> Under the general law, the relationship of solicitor and client give rise to a duty as a solicitor to exercise that care and skill on which he knew his client would rely, and to a duty not to injure his client by failing to do that which that he has undertaken to do and which at the solicitor's invitation, the client had relied on him to do.

[53] Di dalam tindakan ini, defendan telah akui melalui perenggan 14 dan 17 pembelaan beliau yang beliau telah mewakili plaintif di dalam tindakan Writ Saman No: 22-242-1996 di antara plaintif dengan Shell.

[54] Defendan juga akui bahawa notis rayuan telah difailkan pada 14 September 2004 dan perlanjutan masa kali pertama telah dibenarkan oleh mahkamah tetapi perlanjutan masa melalui lampiran 7A telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan.

[55] Jadi, dengan pengakuan perwakilan oleh defendan itu maka wujudlah hubungan antara peguam dengan kliennya.

[56] Berpandukan kepada autoriti-autoriti di atas, maka timbullah kewajipan berjaga-jaga defendan terhadap plaintif dan juga kemahiran defendan dalam menjalankan apa-apa tugas beliau berkaitan dengan kes 242 dan rayuan tindakan tersebut ke Mahkamah Rayuan.

[57] Jadi, saya dapati bahawa terdapatnya kewajipan berjaga-jaga oleh defendan sebagai seorang peguam terhadap plaintif sebagai kliennya.

Sama Ada Defendan Telah Melanggar Kewajipan Berjaga-Jaganya Sebagai Seorang Peguam Kepada Plaintif

[58] Liabiliti seorang peguam terhadap kliennya dalam tort kecuaian telah pun diputuskan dalam banyak kes. Lord Haidnahe LC di dalam kes yang telah lama diputuskan, *Nocton v. Lord Ashburton* [1914] AC 932 telah memutuskan:

> The solicitor contracts with his client to be skilful and careful. For failure to perform his obligation he may be made liable at law in contract or even in tort for negligence in breach of a duty imposed on him.

[59] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Messrs Yong & Co v. Wee Hood Teck Development Corp Ltd* [1984] 1 CLJ 353; [1984] 1 CLJ (Rep) 251; [1984] 2 MLJ 39 telah menyatakan seperti berikut mengenai dengan hubungan seorang peguam dengan kliennya:

> The liability of a solicitor may be viewed in two aspects. At common law, the retainer imposes upon him an obligation to be skilful and careful and for failure to fulfil this obligation he may be made liable in contract for negligence whether he is acting for reward or gratuitously. On the other hand, like any other individual, a solicitor is liable for his wrongful acts and if the circumstances justify the change, he may be made liable to his client on tort (see *Halsbury's Law of England*, (3rd Ed.) Vol. 36 p. 96, para 131). He owes a duty not to injure his client by failing to do that which he had undertaken to do which his client has relied on him to do (*Midland Bank Trust Co. Ltd.*)

[60] Plaintif menegaskan defendan seharus dan sepatutnya tahu akan kewajipan memfailkan rekod rayuan dalam tempoh masa yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan atau dalam tempoh masa yang dilanjutkan.

[61] Namun begitu, defendan telah cuai sebagai seorang peguam apabila gagal memfailkan rekod rayuan tersebut dalam tempoh masa yang dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan.

[62] Defendan hanya memfailkan permohonan untuk mendapatkan kebenaran memfailkan rekod rayuan, lampiran 7A selepas 18 bulan selepas tamat tempoh perlanjutan masa pertama yang dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan untuk memfailkan rekod rayuan.

[63] Defendan tidak mempunyai alasan yang benar atau munasabah atas kegagalan befiau memfailkan rekod rayuan dalam tempoh masa yang dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan.

[64] Defendan juga telah gagal untuk memberitahu serta merta dalam tempoh yang munasabah kepada plaintif yang defendan telah gagal memfailkan rekod rayuan dalam tempoh masa yang dibenarkan.

[65] Akibat daripada itu, plaintif telah kehilangan keseluruhan tuntutan yang dibuat di dalam tindakan rayuan tersebut.

[66] Pada permulaan hujahan defendan, saya dapati defendan menghujahkan mengenai dengan merit kes di dalam kes 242. Kemudiannya peguam defendan menghujahkan bahawa beliau telah menasihatkan plaintif yang plaintif tidak mempunyai peluang untuk menang di peringkat rayuan di Mahkamah Rayuan kelak tetapi plaintif enggan mendengar nasihat beliau dan ingin meneruskan dengan rayuan.

[67] Defendan telah menegaskan yang plaintif perlu memfailkan permohonan untuk perlanjutan masa bagi memfailkan rekod rayuan. Defendan menyatakan bahawa afidavit yang difailkan menyatakan yang plaintif mempunyai kes yang baik dan bermerit di mana mengikut defendan, pernyataan ini perlu dinyatakan di dalam afidavit untuk perlanjutan masa walaupun beliau telah menasihatkan plaintif yang plaintif tidak mempunyai kes yang baik.

[68] Bagi afidavit plaintif yang menyokong permohonan di dalam lampiran 7A, defendan menyatakan plaintif faham tentang kandungan afidavit tersebut dan defendan telah mendapat arahan daripada plaintif mengenai kandungan afidavit tersebut.

[69] Selanjutnya defendan menegaskan bahawa plaintif bukanlah seorang saksi yang bercakap benar kerana plaintif telah berbohong mengenai surat rayuannya dalam perbicaraan terdahulu tetapi di dalam tindakan ini plaintif menafikannya.

[70] Defendan telah nasihatkan plaintif yang beliau tidak mempunyai kes yang baik tetapi sekarang plaintif menyatakan defendan nasihatkan beliau yang beliau mempunyai kes yang baik.

[71] Defendan telah nasihatkan plaintif untuk tidak memfailkan notis rayuan tetapi plaintif mendesak defendan untuk memfailkan notis rayuan. Defendan telah nasihatkan plaintif untuk tarik balik rayuan tetapi sekarang plaintif menafikannya.

[72] Mengenai dengan 'inquiry report' dan surat rayuan plaintif bertarikh 21 Julai 1995, defendan menghujahkan walaupun dokumen-dokumen ini diletakkan dalam bahagian A ikatan dokumen, ianya tidak memprejudiskan plaintif kerana plaintif telah merujuk pada dokumen-dokumen ini semasa pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas di dalam kes 242.

[73] Defendan menegaskan bahawa plaintif mempunyai pengetahuan mengenai dengan pemfailan lampiran 7A dan juga defendan tidak memfailkan rekod rayuan di luar masa.

[74] Selanjutnya, pihak defendan menghujahkan plaintif telah mengaku kesalahan pekerja beliau melalui surat rayuan plaintif kepada Shell. Maka dengan pengakuan itu, hujah defendan, plaintif akan kalah di dalam rayuan beliau walaupun rekod rayuan difailkan oleh defendan dalam masa yang ditetapkan. Maka dengan itu, plaintif tidak akan mengalami apa-apa kerugian.

[75] Saya telah mempertimbangkan keterangan-keterangan dan hujah-hujah dari kedua-dua pihak mengenai dengan isu-isu ini.

[76] Daripada pliding plaintif, dakwaan-dakwaan yang defendan telah melanggar kewajipan berjaga-jaga terhadap plaintif adalah seperti berikut: Butir-butir kemungkiran tanggungjawab berjaga-jaga sebagai seorang peguam cara:

(i) defendan pada masa material merupakan peguam cara plaintif yang telah menguruskan kes guaman tersebut dan seterusnya telah memfailkan notis rayuan tersebut bagi pihak plaintif;

(ii) sebagai seorang peguam cara, defendan seharusnya dan sepatutnya tahu akan kewajipan memfailan rekod rayuan dalam tempoh masa yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan atau dalam tempoh masa yang dilanjutkan oleh Mahkamah Rayuan atas permohonannya;

(iii) namun, defendan berlaku abai dan cuai sebagai seorang peguam cara apabila gagal memfailkan rekod rayuan tersebut dalam tempoh masa yang dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan yang telah diumumkan kepada defendan oleh Mahkamah Rayuan;

(iv) defendan hanya memfailkan permohonan mendapatkan kebenaran memfailkan rekod rayuan iaitu lampiran 7A tersebut, 18 bulan selepas tamat tempoh perlanjutan masa yang dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan untuk memfailkan rekod rayuan;

(v) defendan tidak mempunyai sebarang alasan yang benar dan/atau munasabah untuk kegagalan memfailkan rekod rayuan tersebut dalam tempoh masa yang dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan yang telah diumumkan kepada defendan oleh Mahkamah Rayuan;

(vi) defendan berlaku secara cuai dan abai apabila gagal mengumumkan secara sementara atau dalam tempoh masa yang munasabah kepada plaintif bahawa defendan gagal memfailkan rekod rayuan dalam tempoh masa yang dibenarkan; dan

(vii) atas sebab perbuatan cuai dan abai defendan dengan tidak memfailkan rekod rayuan secara teratur, plaintif telah mengalami kerosakan dan kerugian.

[77] Adalah tidak dipertikaikan bahawa di dalam kes 242 di antara plaintif dengan Shell, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah menolak tuntutan plaintif terhadap Shell.

[78] Plaintif menghujahkan di dalam kes 242 tersebut, defendan telah cuai dengan meletakkan surat rayuan plaintif kepada Shell bertarikh 21 Julai 1995 dan 'inquiry report' terhadap plaintif di dalam bahagian A ikatan dokumen bersama yang menyebabkan tuntutan plaintif terhadap Shell dalam kes 242 itu ditolak oleh mahkamah. Semasa perbicaraan kes 242 itu, defendan telah cuba membetulkan kecuaian atau kesilapan tentang pengkelasan kedua-dua dokumen tersebut dalam bahagian A itu dengan membuat permohonan lisan kepada YA Hakim yang mendengar perbicaraan kes 242 tetapi telah ditolak oleh mahkamah kerana terdapat bantahan daripada peguam Shell.

[79] Defendan menyatakan yang beliau telah menerima arahan daripada plaintif untuk meletakkan dokumen-dokumen tersebut di bahagian A.

[80] Daripada keterangan yang dikemukakan adalah tidak dipertikaikan bahawa surat rayuan plaintif bertarikh 21 Julai 1995 dan 'inquiry report' telah dimasukkan ke dalam bahagian A di dalam ikatan dokumen bersama. Menyedari bahawa dengan meletakkan kedua-dua dokumen tersebut di dalam bahagian A akan memprejudiskan kes plaintif, defendan telah memohon secara lisan kepada mahkamah untuk mengklarifikasikan semula kedua-dua dokumen tersebut.

[81] Semasa defendan disoal balas, beliau mengaku bahawa beliau telah melakukan kesilapan dengan meletakkan surat rayuan plaintif bertarikh 21 Julai 1995 dan 'inquiry report' di bahagian A, ikatan dokumen bersama.

[82] Juga seterusnya defendan akui di dalam pemeriksaan balas bahawa alasan utama yang dihujahkan oleh peguam bagi pihak Shell adalah bahawa surat rayuan plaintif bertarikh 21 Julai 1995 itu merupakan pengakuan (admission) dan plaintif telah akui mengenai ketepatan surat tersebut, dan atas sebab itu, pihak Shell menghujahkan tidak ada kes untuk dijawab di dalam kes 242.

[83] Defendan menyatakan yang beliau telah mendapat arahan daripada plaintif mengenai pengkelasan dokumen ini.

[84] Walaupun begitu, saya dapati defendan sebagai peguam mempunyai tugas terhadap plaintif untuk menasihati plaintif memandangkan bahawa isu pengkelasan dokumen ini merupakan isu undang-undang yang plaintif perlu dinasihati oleh defendan sebagai seorang yang berkelayakan undang-undang. Defendan perlu menggunakan penjagaan yang munasabah (reasonable care)

dan kemahiran profesionalnya dalam menasihati plaintif di dalam isu yang melibatkan undang-undang seperti ini. Defendan tahu yang plaintif akan bergantung kepada kemahiran beliau sebagai seorang peguam.

[85] Dengan pihak defendan mengakui kepada mahkamah, bahawa surat rayuan plaintif bertarikh 21 Julai 1995 yang telah dimasukkan oleh defendan dalam bahagian A untuk diklarifikasikan semula adalah satu kesilapan defendan dan isu ini melibatkan isu undang-undang, maka saya dapati defendan tidak melaksanakan penjagaan munasabah dan kemahiran profesionalnya terhadap plaintif.

[86] Selanjutnya, dihujahkan oleh plaintif bahawa defendan telah cuai di dalam tugasnya kerana tidak memfailkan rekod rayuan dalam tempoh masa yang dibenarkan. Defendan menyatakan jika sekiranya defendan telah cuai dalam pemfailan rekod rayuan ini, pihak plaintif mempunyai kes yang sia-sia (useless case) dan rayuan yang tidak mempunyai prospek yang munasabah untuk berjaya di dalam rayuannya.

[87] Saya dapati tidak dinafikan oleh defendan bahawa defendan telah tidak memfailkan rekod rayuan bagi rayuan terhadap keputusan kes 242.

[88] Pihak Mahkamah Rayuan telah memberi perlanjutan masa buat pertama kali melalui surat mereka bertarikh 20 Oktober 2004 untuk tempoh selama tiga minggu dari tarikh penerimaan nota-nota prosiding.

[89] Pada 8 Januari 2007, nota-nota keterangan dan alasan penghakiman telah pun disediakan. Maka tarikh lanjutan tiga minggu tersebut akan tamat sebelum atau pada 29 Januari 2007.

[90] Walau bagaimanapun, defendan gagal memfailkan rekod rayuan untuk rayuan plaintif tersebut.

[91] Plaintif tidak mempunyai pengetahuan mengenai kegagalan defendan memfailkan rekod rayuan ini sehinggalah pada 3 September 2008 selepas plaintif berjumpa dengan defendan di pejabat defendan.

[92] Sebelum itu, pada 1 Julai 2008, defendan telah memfailkan notis usul iaitu lampiran 7A ke Mahkamah Rayuan memohon sekali lagi kebenaran untuk memfailkan rekod rayuan di luar masa.

[93] Di dalam afidavit sokongan yang diikrarkan oleh defendan, beliau menyatakan yang rayuan plaintif mempunyai peluang yang cerah di dalam rayuannya dan beberapa alasan yang remeh sebagai alasan atas kegagalannya.

[94] Walau bagaimanapun pada 21 Ogos 2008, selepas membicarakan lampiran 7A, Mahkamah Rayuan telah menolak permohonan di lampiran 7A dan selanjutnya Mahkamah Rayuan membatalkan rayuan plaintif. Defendan menyatakan plaintif tidak mempunyai prospek yang munasabah untuk berjaya di dalam rayuannya.

[95] Daripada keterangan yang dikemukakan, saya dapati bahawa pihak defendan telah tidak mengambil tindakan secara profesional untuk memfailkan rekod rayuan.

[96] Lanjutan masa pertama telah pun diberikan oleh Mahkamah Rayuan iaitu pada 20 Oktober 2004 sehinggalah tempoh tiga minggu nota-nota keterangan dan alasan penghakiman disediakan pada 8 Januari 2007. Ini bermakna defendan mempunyai sehingga sebelum atau pada 29 Januari 2007 untuk memfailkan rekod rayuan.

[97] Ini bermakna defendan mempunyai masa selama dua tahun tiga bulan untuk menyediakan rekod rayuan dan dengan hanya memasukkan nota-nota keterangan dan alasan penghakiman selepas menerimanya dari mahkamah.

[98] Saya dapati kelewatan ini adalah tidak munasabah dan merupakan kecuaian defendan untuk bertindak dengan kemahiran profesionalnya bagi kewajipan berjaga-jaga beliau terhadap plaintif.

[99] Defendan ada menyatakan yang beliau tidak sihat dan menerima rawatan di India pada masa material. Saya berpendapat alasan ini tidak melepaskan tanggungjawab defendan terhadap plaintif untuk bertindak secara berhati-hati bagi kes yang beliau bersetuju untuk kendalikan bagi plaintif.

[100] Tidak dibuktikan dengan defendan mendapat rawatan di India dengan tempoh dua tahun tiga bulan itu, telah menghalang defendan untuk memfailkan rekod rayuan.

[101] Atas kegagalan defendan untuk memfailkan rekod rayuan itu, defendan kemudiannya telah memohon melalui lampiran 7A untuk memfailkan rekod rayuan di luar masa tetapi ditolak oleh Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan telah mendengar lampiran 7A tersebut dan menolaknya dan saya yakin Mahkamah Rayuan menolak lampiran 7A itu kerana alasan-alasan yang diberikan adalah tidak bermerit.

[102] Tempoh tamat untuk defendan failkan rekod rayuan ialah pada 29 Januari 2007 dan lampiran 7A difailkan pada 1 Julai 2008. Plaintif menyatakan beliau tidak mempunyai pengetahuan mengenai perkara ini tetapi defendan menyatakan yang beliau telah menasihatkan plaintif untuk tidak teruskan dengan rayuan kerana plaintif tidak ada kes yang baik.

[103] Walau bagaimanapun, saya dapati defendan tidak menggunakan kemahiran profesionalnya untuk memfailkan permohonan untuk perlanjutan masa sehingga melepasi selama satu setengah tahun iaitu tempoh untuk memfailkan rekod rayuan baru lampiran 7A difailkan.

[104] Di dalam afidavit sokongan defendan untuk lampiran 7A, defendan mendeposkan yang plaintif sebagai perayu mempunyai peluang yang cerah dalam rayuannya kelak di Mahkamah Rayuan.

[105] Sebaliknya, defendan sentiasa menegaskan yang plaintif tidak mempunyai kes yang baik dalam rayuannya.

[106] Ini adalah keterangan bersumpah yang bercanggah dari defendan yang memberi implikasi kepada kredibiliti defendan.

[107] Defendan menghujahkan bahawa plaintif tidak mempunyai prospek yang munasabah untuk berjaya di dalam rayuannya sekiranya pun jika rekod rayuan dibenarkan difailkan.

[108] Atas isu ini, saya dapati bahawa defendan telah menerima arahan daripada plaintif untuk merayu, tugas defendan adalah untuk mengambil tindakan bagi proses rayuan dan tidak dengan sendirinya membuat andaian yang plaintif tidak mempunyai merit di dalam rayuannya.

[109] Defendan telah bersetuju untuk bertindak bagi pihak plaintif untuk memfailkan rayuan bagi keputusan kes 242.

[110] Tugas kemahiran profesional defendan adalah untuk memfailkan tindakan rayuan dan sama ada plaintif akan berjaya di dalam rayuannya atau tidak adalah untuk ditentukan oleh mahkamah.

[111] Atas tindakan defendan dengan cuai meletakkan surat rayuan plaintif bertarikh 21 Julai 1995 dan 'inquiry report' dalam bahagian A, ikatan dokumen bersama telah memprejudiskan plaintif.

[112] Saya dapati defendan adalah cuai dalam kewajipan profesionalnya dengan meletakkan surat rayuan plaintif bertarikh 21 Julai 1995 dan 'inquiry report' terhadap plaintif di dalam bahagian A, ikatan dokumen bersama dan seterusnya kecuaian defendan dalam memfailkan rekod rayuan dalam masa yang ditetapkan.

[113] Saya dapati defendan telah melanggar kewajipan berjaga-jaganya terhadap plaintif.

Sama Ada Defendan Telah Memperdayakan Plaintif Untuk Tort Perdayaan

[114] Butir-butir perdayaan diplidkan oleh plaintif seperti berikut:

Butir-butir kesalahan memperdaya:

(i) defendan mempunyai pengetahuan bahawa plaintif seorang yang berpendidikan rendah dan buta huruf;

(ii) defendan tidak memberitahu atau sebenarnya menyembunyikan daripada plaintif bahawa defendan gagal memfailkan rekod rayuan tersebut dalam tempoh masa yang dilanjutkan oleh Mahkamah Rayuan;

(iii) sebelum memfailkan dan selepas memfailkan lampiran 7A, setiap kali plaintif tertanya-tanya defendan tentang kemajuan rayuan tersebut, defendan telah jawab bahawa rayuan tersebut telah difail secara sempurna dan bahawa defendan hanya menunggu tarikh perbicaraan rayuan tersebut ditetapkan;

A (iv) defendan secara tidak jujur dan ikhlas gagal memberitahu plaintif alasan sebenar kenapa afidavit sokongan kedua tersebut perlu ditandatangani oleh plaintif;

(v) defendan secara sedar membuat representasi palsu atau tidak benar kepada plaintif (dengan pengetahuan bahawa representatis tersebut
B merupakan representasi tidak benar) bahawa plaintif perlu menandatangani afidavit sokongan kedua tersebut sebagai satu langkah dalam aturcara biasa untuk memperkukuhkan rayuan tersebut dengan pengetahuan bahawa representasi tersebut tidak benar atau tanpa apa-apa kepercayaan munasabah bahawa representasi itu adalah benar;

C (vi) defendan telah membuat representasi tersebut dengan niat mendorong plaintif menandatangani afidavit sokongan kedua tersebut;

(vii) plaintif telah akur kepada representasi tersebut dan telah menandatangani afidavit sokongan kedua tersebut di hadapan
D Pesuruhjaya Sumpah tersebut; dan

(viii) plaintif dengan menandatangani afidavit sokongan kedua tersebut, tanpa pengetahuan tentang kandungan sebenarnya dan berpandukan representasi tidak benar yang dibuat oleh defendan, plaintif telah mengalami kerosakan dan kerugian.

E **[115]** Persoalan sekarang adalah sama ada defendan telah memperdayakan plaintif.

[116] Plaintif menyatakan defendan telah memperdayakan plaintif di mana defendan telah menyediakan afidavit daripada plaintif bagi lampiran 7A
F dengan niat menipu (fraudulent intention) plaintif untuk permohonan perlanjutan masa memfailkan rekod rayuan.

[117] Ini adalah kerana afidavit bertarikh 18 Jun 2008 disediakan oleh defendan dan plaintif tidak diterangkan kandungan sebenar afidavit berkenaan.

G **[118]** Plaintif pula seorang yang berpendidikan setakat darjah tiga di Sekolah Rendah Tamil dan beliau tidak boleh menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

[119] Plaintif menyatakan yang defendan menyediakan afidavit bertarikh
H 18 Jun 2008 dengan niat untuk membebaskan dirinya daripada liabiliti atas kegagalan beliau untuk memfailkan rekod rayuan.

[120] Defendan pula menegaskan bahawa plaintif telah mengarahkan defendan untuk memfailkan rekod rayuan di luar masa. Sebelum ini, plaintif ada memfailkan dua afidavit di dalam kes 242 (ikatan C ms. 347-352 dan
I ikatan C ms. 353-354), plaintif tidak membangkitkan isu yang afidavit tersebut tidak diterangkan kepada beliau.

[121] Defendan selanjutnya menegaskan bahawa plaintif boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan semua afidavit yang diikrarkan oleh plaintif tidak mempunyai jurat. Hujah peguam defendan selanjutnya adalah tanggungjawab Pesuruhjaya Sumpah untuk pastikan yang plaintif faham kandungan afidavit yang dideposkan. Hujah beliau lagi, plaintif gagal membuktikan yang defendan telah memperdayakan plaintif.

[122] Di dalam tort perdayaan ini, plaintif telah memplidkan bahawa defendan telah memperdayakan beliau dengan defendan sendiri telah menyediakan afidavit untuk plaintif bagi lampiran 7A dengan niat untuk menipu plaintif untuk permohonan perlanjutan masa memfailkan rekod rayuan.

[123] Sebelum dan selepas defendan memfailkan lampiran 7A, plaintif ada bertanyakan tentang kemajuan rayuan beliau tetapi diberitahu oleh defendan bahawa rayuan telah difailkan dengan sempurna dan hanya menunggu tarikh perbicaraan di Mahkamah Rayuan.

[124] Defendan ada memberitahu plaintif yang plaintif perlu failkan afidavit untuk lampiran 7A tetapi defendan tidak memberitahu plaintif kenapa afidavit bertarikh 18 Jun 2008 perlu ditandatangani oleh plaintif.

[125] Di dalam tindakan ini, plaintif telah memanggil En Vashu a/l Sinnasamy (SP1) yang merupakan Pesuruhjaya Sumpah di mana afidavit plaintif bertarikh 18 Jun 2008 di mana penyaksian (attestation) telah dibuat di hadapan beliau oleh plaintif.

[126] SP1 di dalam testimoninya mengesahkan yang plaintif faham kandungan afidavit bertarikh 18 Jun 2008. Di dalam pemeriksaan utama SP1, beliau menyatakan seperti berikut:

> S: Please explain to the Court why there is no jurat recording that the contents of this documents (affidavit) mere translated into a language which the deponent understands?
>
> J: (a) He did acknolwledge that he understood the contents of the affidavit.
>
> (b) It is stated that the document does not require translation.

[127] Semasa saksi ini disoal balas oleh peguam defendan, sama ada plaintif faham mengenai kandungan afidavit bertarikh 18 Jun 2008 yang ditandatangani oleh plaintif. SP1 menyatakan yang plaintif mengakui kepada SP1 yang beliau faham kandungan afidavit tersebut.

[128] Saya dapati SP1 adalah seorang saksi yang tidak dapat dipertikaikan keterangannya dan seorang saksi yang bercakap benar.

[129] Jadi, dari keterangan-keterangan yang dikemukakan daripada kedua-dua pihak, saya dapati plaintif telah menandatangani afidavit bertarikh 18 Jun 2008 yang menyokong lampiran 7A dengan mengetahui kandungan sebenar dan tujuan afidavit tersebut diperlukan untuk plaintif tandatanganinya.

[130] Saya dapati tidak ada representasi palsu daripada defendan untuk plaintif tandatangani afidavit ini bagi menyatakan yang defendan telah memperdayakan plaintif tanpa pengetahuan tentang kandungan sebenarnya afidavit tersebut berpandukan representasi tidak benar yang dibuat oleh defendan.

[131] Mahkamah dapati terdapat beberapa isu lain yang berkaitan dengan tindakan ini dibangkitkan oleh kedua-dua pihak.

[132] Pihak defendan telah membangkitkan mengenai dengan eks. I/DD6 dan I/DD7.

[133] I/DD6 merupakan laporan siasatan yang ditandatangani oleh Halibullah A Majid bagi pihak Shell (ikatan D ms. 397-398).

[134] I/DD7 pula adalah laporan siasatan sulit yang ditandatangani oleh Dato' Mohd Som bin Sulaiman bagi pihak Shell (ikatan D ms. 390-396).

[135] Peguam bagi pihak defendan pohon agar kedua-dua dokumen ini dikemukakan dan diterima sebagai ekshibit bagi pihak defendan. Alasan-alasan beliau ialah:

(i) kedua-dua dokumen ini telah dikemukakan di dalam kes 242 dan diletakkan di dalam bahagian A, ikatan dokumen; dan

(ii) kedua-dua dokumen boleh diterima masuk mengikut s. 73A(1) Akta Keterangan 1950 kerana sapina telah diserahkan tetapi sapina dikembalikan oleh Puan Nurwina bt Dato' Hj Mohd Som melalui surat bertanda I/DD12 yang menyatakan sekali laporan perubatan bertarikh 8 Mei 2015 bertanda I/DD13.

[136] Peguam defendan selanjutnya menghujahkan bahawa I/DD13 patut diterima oleh mahkamah melalui peruntukan s. 73A(5) Akta Keterangan kerana menurut beliau I/DD13 adalah "certificate purporting to be the certificate of a registered medical practitioner".

[137] Selanjutnya, hujah beliau lagi, I/DD6 dan I/DD7 patut diterima sebagai keterangan kerana I/DD6 dan I/DD7 adalah salinan yang diperolehi dari fail mahkamah dalam kes 242 dan dokumen-dokumen ini boleh disahkan oleh Penolong Kanan Pendaftar.

[138] Di dalam hujahnya, peguam defendan merujuk kes-kes *Abdul Ghafur Mohd Ibrahim v. Pengarah Hospital Kepala Batas & Anor* [2010] 1 LNS 645; [2010] 6 MLJ 181, *KMA Marketing Sdn Bhd lwn. MBf Leasing Sdn Bhd* [2007]

7 CLJ 552; [2007] 3 MLJ 81, *Zainuddin Uyub v. Jalil Tumirin & Anor* [2009] 1 LNS 1139; [2010] 9 MLJ 538, *IJM Corporation Bhd v. Zamri Hj Ibrahim & Anor* [2014] 7 CLJ 479; [2014] 2 MLJ 335. A

[139] Pihak plaintif menyatakan bahawa I/DD6 dan l/DD7 tidak boleh diterima pakai sebagai keterangan melalui s. 73A Akta Keterangan. Alasan beliau: B

(i) tiada salinan asal dokumen dikemukakan;

(ii) jika mengikut proviso s. 73A(1)(b), I/DD7 masih tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan kerana tidak dibuktikan yang Dato' Mohd Som sebagai "unfit by reason of his bodily or mental condition to attend as a witness"; C

(iii) juga defendan gagal penuhi kehendak s. 73A(2) di mana defendan gagal untuk buktikan bahawa akan berlaku kelewatan di dalam perbicaraan atau melibatkan kos yang banyak jika Dato' Mohd Som untuk dibawa sebagai saksi; dan D

(iv) defendan juga gagal patuhi peruntukan s. 73A(5), tidak ada sijil mengesahkan yang Dato' Mohd Som tidak sihat (not fit) untuk memberi keterangan.

[140] Peguam pihak defendan pohon untuk menerima masuk I/DD6 dan I/DD7 melalui peruntukan s. 73A Akta Keterangan 1950. E

[141] Adalah asas penting bagi peraturan keterangan terbaik (the best evidence rule) bahawa pembuat dokumen perlu dipanggil bagi membuktikan dokumen berkenaan.

F

[142] Mengenai s. 73A Akta Keterangan 1950, saya ingin memetik keputusan Abdul Hamid Mohamed H di dalam kes: *Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd v. Chong On Foh Medical Hall & Liquor Dealers* [1996] 1 LNS 113; [1997] 4 MLJ 532 di mana beliau menyatakan:

> Under the section (section 73A), a Statement is admissible under three circumstances: G
>
> (1) Where the maker is called to give evidence -- sec. 73A (1) (i);
>
> (2) Where the maker is not available but proviso to sub-s. (1) of that section is satisfied; and
>
> (3) Where the maker is available but not called as a witness, under circumstances provided by sub - s. (2) of that section. H
>
> It should be understood that sub-s. (2) separate from sub-s (1). Under sub-s. (1) the statement is not admissible unless:
>
> (a) the maker himself gives evidence; or I
>
> (b) the proviso applies.

A The proviso is a proviso to sub-s. (1), and not to sub-s. (2). So if the statement is not admissible under sub-s. (1), the learned magistrate should have considered whether it was admissible under sub-s. (2). Under sub-s. (2), the statement is admissible if the Court is satisfied that undue delay or expense would be caused in order to call the maker to give evidence.

B **[143]** Di dalam tindakan ini, kedua-dua pembuat dokumen bagi I/DD6 dan I/DD7 tidak dipanggil untuk memberi keterangan. Pembuat I/DD6 ialah Halibullah A Majid tidak dipanggil untuk memberi keterangan dan tidak ada sebab diberikan atas kegagalan pihak defendan memanggil beliau.

[144] Atas sebab itu, I/DD6 saya putuskan tidak boleh diterima sebagai C keterangan di dalam prosiding ini.

[145] Berkenaan dengan I/DD7 pula, pembuat dokumen berkenaan iaitu Hj Mohd Som bin Sulaiman tidak dipanggil untuk memberi keterangan walaupun sapina diserahkan kepada beliau.

D **[146]** Sapina telah dikembalikan kepada peguam defendan dengan menyertakan surat I/DD12 iaitu surat dari Nurwina bt Dato' Haj Mohd Som. Melalui surat beliau, I/DD12, surat dari Dato' Dr Rosli Mohd Ali iaitu I/DD13 disertakan.

[147] Pembuat kepada I/DD12 tidak dipanggil oleh defendan sebagai saksi E untuk kemukakan 1/DD12 sebagai keterangan.

[148] I/DD13 adalah surat dari Dato' Dr Rosli Mohd Ali sebagai consultant cadiologist yang membuat diagnosis ke atas Dato' Mohd Som. Walau bagaimanapun tidak dinyatakan sebab kenapa saksi ini tidak boleh memberi keterangan di dalam mahkamah.

F **[149]** I/DD13 ini tidak ditujukan kepada mahkamah untuk tujuan perbicaraan ini bagi menyatakan yang Dato' Mohd Som tidak mampu hadir memberi keterangan dalam mahkamah.

[150] Atas alasan-alasan di atas kandungan 1/DD12 dan 1/DD13 tidak G diterima masuk sebagai keterangan di dalam mahkamah. Peraturan-peraturan di bawah s. 73A, Akta Keterangan 1950 tidak dipenuhi.

[151] Bagi I/DD7 pula, dengan semata-mata kemukakan salinan dokumen pada masa perbicaraan tanpa menjelaskan kenapa salinan asal tidak dikemukakan tidak memenuhi peraturan yang ketat bagi peraturan H keterangan terbaik seperti yang dinyatakan dalam s. 73A, Akta Keterangan 1950 yang memerlukan dokumen asal untuk dikemukakan.

[152] Juga dengan alasan yang di atas tadi, tidak ada sebab yang munasabah untuk Dato' Hj Mohd Som bin Sulaiman tidak hadir ke mahkamah untuk kemukakan I/DD7.

I

[153] Daripada keterangan yang dikemukakan, tidak dibuktikan bahawa akan berlaku kelewatan dalam pendengaran kes ini jika Dato' Hj Mohd Som dipanggil. Juga tiada iota keterangan yang ia akan melibatkan kos yang banyak jika Dato' Hj Mohd Som dipanggil.

[154] Dengan itu juga, saya dapati I/DD7 tidak memenuhi kehendak s. 73A, Akta Keterangan, maka I/DD7 tidak diterima sebagai keterangan di dalam tindakan ini.

[154] Selanjutnya, peguam defendan telah membangkitkan isu bahawa plaintif adalah terikat dengan dua afidavit yang telah pun ditandatangani di hadapan Pesuruhjaya Sumpah (ikatan C ms. 347 - 352 dan ms. 353-354).

[156] Kedua-dua afidavit ini di dalam Bahasa Malaysia dan tiada keterangan yang kedua-dua afidavit ini diterjemahkan ke dalam Bahasa Tamil. Tiada ada pertikaian mengenai kesahan kedua-dua afidavit ini.

[157] Saya dapati dari kedua-dua afidavit ini, plaintif telah tandatanganinya dan faham mengenai kandungan dan tidak ada sebab untuk mahkamah menyatakan plaintif tidak terikat dengan kedua-dua dokumen tadi.

[158] Jadi, saya putuskan kedua-dua afidavit ini tersebut mengikat pihak plaintif.

[159] Selanjutnya dibangkitkan oleh defendan bahawa plaintif telah mencuri fail kes 242 dari pejabat defendan.

[160] Daripada keterangan defendan, beliau tidak pernah mengizinkan plaintif untuk mengambil fail kes 242 keluar dari pejabat beliau tetapi plaintif telah mengambilnya tanpa kebenaran defendan.

[161] Manakala plaintif menyatakan bahawa plaintif tidak pernah mengambil salinan asal fail beliau dari pejabat defendan dan elemen curi tidak dibuktikan oleh defendan.

[162] Dari keterangan yang dikemukakan, saya dapati plaintif memang telah mengambil fail kes beliau dari pejabat defendan tetapi diambil dengan kebenaran defendan, cuma plaintif tidak pulangkan fail berkenaan.

[163] Mahkamah dapati juga, tidak ada keterangan mengenai kecurian dibuktikan oleh defendan terhadap plaintif.

[164] Selanjutnya, defendan rnenghujahkan bahawa plaintif telah dihalang oleh tempoh had masa untuk memfailkan tindakan ini. Menurut defendan kausa tindakan timbul bila defendan membuat permohonan lisan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang untuk menukar kategori dokumen surat rayuan plaintif bertarikh 21 Julai 1995 di mahkamah pada bulan April 2004. Dengan plaintif memfailkan tindakan ini pada tahun 2014, hujah defendan maka tempoh had masa telah pun menghalang plaintif dari memfailkan tindakan ini.

[165] Pihak plaintif menyatakan bahawa kausa tindakan plaintif adalah berkaitan dengan kegagalan defendan memfailkan rekod rayuan dalam jangka masa yang dibenarkan dan plaintif tidak dihadkan oleh had masa untuk memfailkan tindakan ini.

[166] Saya dapati kausa tindakan plaintif di dalam tindakan ini adalah atas kecuaian defendan untuk memfailkan rekod rayuan bagi kes 242. Saya berpendapat kausa tindakan plaintif bermula bila Mahkamah Rayuan menolak permohonan plaintif, lampiran 7A untuk mendapat perlanjutan masa untuk memfailkan rekod rayuan. Mahkamah Rayuan telah menolak lampiran 7A dan membatalkan rayuan plaintif tersebut pada 21 Ogos 2008.

[167] Ini bermakna kausa tindakan plaintif terhadap defendan bermula pada 21 Ogos 2008, manakala plaintif telah memfailkan tindakan ini terhadap defendan pada 13 Jun 2014. Ini bermakna plaintif masih di dalam tempoh had masa enam tahun untuk menuntut di bawah tort kecuaian. Dengan itu, plaintif tidak dihalang di bawah s. 6(1) Akta Had Masa 1953 untuk menuntut terhadap defendan.

[168] Isu lain yang dihujahkan oleh plaintif dan defendan adalah mengenai dengan keputusan dari Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam (Lembaga Tatatertib) yang menyabitkan defendan dengan liabiliti atas memfailkan memorandum rayuan dan rekod rayuan di luar jangka masa yang dibenarkan tanpa persetujuan plaintif telah mengekalkan syor hukuman denda RM2,000 yang dibuat oleh Jawatankuasa Disiplin Lembaga Tatatertib (Jawatankuasa Disiplin tersebut). Defendan tidak merayu terhadap keputusan ini.

[169] Pihak defendan menghujahkan bahawa keputusan dari Lembaga Tatatertib tersebut tidak relevan dengan prosiding ini kerana terdapat kesilapan yang fundamental di dalam keputusan tersebut.

[170] Pihak plaintif menghujahkan atas tindakan defendan gagal memfailkan rekod rayuan dalam masa yang ditetapkan selepas persidangan penyiasat aduan terhadap defendan ini, Lembaga Tatatertib telah mendapati defendan bersalah dan mendendakan defendan dengan RM2,000.

[171] Saya dapati pihak defendan di dalam pembelaannya akui telah didenda sebanyak RM2,000 atas sabitan defendan dengan liabiliti memfailkan memorandum rayuan dan rekod rayuan di luar masa yang dibenarkan tanpa persetujuan plaintif.

[172] Defendan menyatakan terdapat kesilapan fundamental oleh Lembaga Tatatertib kerana mendapati defendan bersalah. Saya berpendapat sekiranya defendan dapati Lembaga Tatatertib adalah khilaf di dalam keputusannya, defendan seharusnya merayu terhadap keputusan tersebut. Sebaliknya defendan tidak merayu terhadap keputusan tersebut.

[173] Jadi, atas kegagalan defendan untuk merayu tersebut dan defendan ingin membangkitkan di forum yang tidak berkaitan ini, maka saya dapati hujahan ini adalah tidak bermerit.

[174] Saya dapati sabitan yang dikenakan ke atas defendan oleh Lembaga Tatatertib dengan liabiliti atas kegagalan defendan untuk memfailkan memorandum rayuan dan rekod rayuan di luar jangka masa yang dibenarkan tanpa persetujuan plaintif.

[175] Saya dapati fakta sabitan itu adalah sama dengan tuntutan plaintif di dalam tindakan ini, di mana defendan gagal memfailkan rekod rayuan plaintif di luar masa yang dibenarkan. Jadi, sabitan defendan oleh Lembaga Tatatertib tersebut telah menyokong fakta kes plaintif ini bahawa defendan gagal memfailkan rekod rayuan kes plaintif di luar masa. Dan sabitan oleh Lembaga Tatatertib tersebut adalah relevan untuk tindakan ini.

Sama Ada Plaintif Berhak Untuk Menuntut Ganti Rugi

[176] Adalah keputusan mahkamah ini bahawa defendan telah melanggar kewajipan berjaga-jaganya sebagai seorang peguam terhadap plaintif sebagai kliennya setelah defendan gagal memfailkan rekod rayuan dalam masa yang ditetapkan oleh undang-undang.

[177] Maka dengan itu, plaintif telah alami kerugian dan berhak untuk menuntut ganti rugi terhadap defendan.

[178] Sementara itu, saya dapati plaintif gagal untuk membuktikan tort perdayaan terhadap defendan, maka dengan itu plaintif tidak berhak untuk dipampaskan oleh defendan. Plaintif tidak buktikan yang beliau telah diperdayakan oleh defendan, dengan itu tidak ada apa-apa ganti rugi diawardkan kepada plaintif untuk tort perdayaan (deceit) ini.

Kesimpulan

[179] Jadi, berdasarkan pada alasan-alasan di atas, saya dapati bahawa defendan telah melanggar kewajipan berjaga-jaga terhadap plaintif dengan kecuaian beliau memfailkan rekod rayuan bagi kes 242 dalam masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, saya dapati plaintif gagal buktikan tuntutan beliau untuk perdayaan terhadap defendan.

[180] Dengan itu, plaintif adalah berhak untuk dipampaskan oleh defendan atas sebab kecuaian defendan terhadap plaintif.

[181] Plaintif telah menuntut seperti berikut terhadap defendan:

(a) Ganti rugi am;

(b) Ganti rugi am bagi kesalahan representasi salah yang memperdayakan;

(c) Ganti rugi khas sebanyak RM251,161.70 sehingga Julai 1996 dan berterusan;

(d) Kos tindakan dibayar oleh defendan atas dasar indemniti peguam cara/anak guam; dan

(e) Faedah.

[182] Peguam plaintif menghujahkan bahawa ganti rugi am untuk ditaksirkan atau jika dipersetujui sebanyak RM500,000 dan untuk ganti rugi perdayaan plaintif memohon sebanyak RM100,000 dan kos dipohon sebanyak RM100,000. Tidak ada apa-apa autoriti dikemukakan oleh peguam plaintif untuk tuntutan bagi ganti rugi ini.

[183] Manakala pihak defendan menghujahkan bahawa plaintif tidak kehilangan apa-apa kerana rayuan yang hendak difailkan oleh plaintif tidak mempunyai apa-apa nilai kepada plaintif. Dengan itu, defendan bertanggungan untuk membayar apa-apa ganti rugi kepada plaintif. Tidak ada kes-kes mengenai dengan kuantum dikemukakan.

[184] Di dalam tindakan ini, saya telah putuskan yang defendan telah cuai dalam kewajipannya terhadap plaintif di mana defendan telah cuai untuk memfailkan rekod rayuan dalam masa yang ditetapkan. Kegagalan defendan inilah yang menyebabkan kerugian timbul ke atas plaintif di mana rekod rayuan tidak dapat difailkan.

[185] Atas kecuaian defendan memfailkan rekod rayuan dalam masa itu menyebabkan rayuan plaintif telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan. Jadi, defendan seharusnya mempampaskan plaintif atas tindakan cuai mereka. Jadi, saya berpendapat kecuaian di dalam profesion defendan sebagai seorang peguam terhadap anak guamnya adalah kecuaian yang serius dan saya berpendapat ganti rugi am untuk kecuaian ini sebanyak RM200,000 adalah wajar dan munasabah.

[186] Manakala tuntutan bagi ganti rugi tort perdayaan tidak dibuktikan.

[187] Begitu juga dengan tuntutan untuk ganti rugi khas, tidak ada keterangan yang dikemukakan oleh plaintif. Dengan itu, saya dapati ganti rugi khas tidak dibuktikan.

[188] Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah perintahkan seperti berikut bagi relif-relif yang dipohon di perenggan 72 pernyata tuntutan terpinda:

(i) prayer (a) diluluskan sebanyak RM200,000;

(ii) prayer (b) dan (c) tidak diluluskan;

(iii) faedah bagi prayer (a) atas kadar 5% setahun mulai hari ini sehingga selesai pembayaran; dan

(iv) kos tindakan sebanyak RM80,000.